

# **PERSEPSI MASYARAKAT TENTANG PERANAN ULAMA SILAM TERHADAP PERKEMBANGAN ISLAM DI SARAWAK: KAJIAN DI BAHAGIAN BINTULU**

*(Community Perceptions on the Role of Past Scholars on the Development of Islam in Sarawak: A Study in Bintulu Division)*

**Najihah Abdul Mutalib, Ismar Liza Mahani Ismail**

Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu, Malaysia

E-mel: najihah.mutalib@umt.edu.my

## **ABSTRAK**

Kemasukan Islam ke Sarawak dipercayai bermula sejak negeri ini diperintah oleh Kesultanan Brunei lagi namun kerancakan aktiviti Islam makin perlahan apabila Regim Brooke mula memerintah Sarawak. Usaha untuk mengembangkan ajaran Islam di Sarawak diteruskan oleh ulama silam Sarawak pada ketika itu. Sungguhpun begitu, masih terdapat masyarakat Islam kini yang tidak mengenali golongan ulama ini dan peranan besar mereka dalam perkembangan Islam di Sarawak. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti persepsi masyarakat Islam Sarawak tentang peranan ulama silam terhadap perkembangan Islam. Kajian ini dijalankan di bahagian Bintulu, Sarawak dengan menggunakan kaedah soal selidik yang dijalankan terhadap 468 orang responden. Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian SPSS dan dihuraikan dalam bentuk statistik mudah iaitu kekerapan dan peratusan. Hasil kajian mendapati bahawa persepsi masyarakat Islam di bahagian Bintulu Sarawak terhadap peranan Ulama silam adalah pada tahap sederhana.

**Kata Kunci:** Ullama Sarawak; Islam di Sarawak; perkembangan Islam di Sarawak; masyarakat Islam Sarawak

## **ABSTRACT**

*The advent of Islam to Sarawak started since the state was ruled by the Sultanate of Brunei but the intensity of Islamic activities was slowed down when the Brooke Regime began to rule Sarawak. Efforts to develop the teaching of Islam in Sarawak were continued by the prominent Muslim scholars of Sarawak at that time. Despite that, there are Muslims today who do not know these prominent Muslim scholars and their major role in the development of Islam in Sarawak. Thus, this study was carried out to identify the perception of the Sarawak Muslim community about the role of previous prominent Muslim scholars on the development of Islam. This study was conducted in Bintulu, Sarawak using a questionnaire with involvement of 468 respondents. The data were analyzed using SPSS software and described in the form of simple statistics, namely frequency and percentage. The results of the study found that the perception of the Muslim community in Bintulu Sarawak on the role of previous prominent Muslim Scholars (Ullama) is at a moderate level.*

**Keywords:** Ullama Sarawak; Islam in Sarawak; the development of Islam in Sarawak; Sarawak Muslim community

## **1.0 PENDAHULUAN**

Golongan ulama berperanan penting dalam perkembangan Islam di Sarawak. Peranan yang dimainkan oleh para ulama dalam menyebarkan ajaran Islam pada peringkat awal perkembangannya ialah melalui kelas-kelas agama. Penyebaran agama Islam digerakkan secara aktif oleh para ulama. Cara para ulama pada masa tersebut dalam penyebaran agama Islam di Sarawak adalah dengan menyampaikan ilmu dan mengajarkannya kepada masyarakat. Semasa pentadbiran kerajaan Brooke, para ulama juga dilantik sebagai anggota dalam jentera kerajaan. Perlantikan ini adalah kerana nilai-nilai peribadi yang ada pada para ulama seperti keilmuan, keperibadian dan sifat yang mulia. Jelas sekali dengan perlantikan tersebut menunjukkan bahawa ulama Sarawak merupakan golongan yang begitu disanjung suatu ketika dahulu. Perlantikan ini menunjukkan bahawa para ulama diiktiraf dan diterima baik oleh pihak pemerintahan dan masyarakat di Sarawak.

Namun begitu, generasi pada masa kini ada yang tidak mengenali para ulama yang menyebarkan ajaran Islam di Sarawak. Ada juga yang tidak pernah mendengar gelaran ulama yang terkenal di Sarawak. Peranan dan jasa para ulama Islam di Sarawak telah menjadikan mereka antara ulama yang terkenal dan dipandang tinggi oleh masyarakat. Antara para ulama yang terkenal pada masa itu ialah Datuk Hakim Keramat, Sheikh Uthman Sarawak, Datuk Hakim Imam Abang Haji Morshidi dan Datuk Hakim Haji Muhammad Asy'ari.

### **1.1 Sejarah Awal Kemasukan Islam Ke Sarawak dan Peranan Ulama Silam**

Perkembangan dan kemasukan Islam di Sarawak berkait rapat dengan perkembangan Islam di Brunei. Perbahasan masih berlaku dalam kalangan sarjana tentang tarikh sebenar kedatangan ajaran Islam ke Sarawak. Ramai yang berpendapat bahawa pemerintahan Kesultanan Brunei di negara ini banyak mempengaruhi perkembangan Islam di Sarawak yang bermula sejak abad ke 15 Masihi.

Menurut Mohammad b. Pengiran Hj. Abdul Rahman (2001: 59), penyebaran Islam ke Brunei secara tidak rasmi berlaku sekurang-kurangnya pada tahun 1264 Masihi. Pada ketika itu perkembangan Islam belum mencapai tahap yang memberangsangkan. Kedatangan pedagang dari negara China sejak tahun ke 6 Masihi berkait rapat dengan susur galur peringkat penyebaran

ajaran Islam ke negara Brunei. Pengaruh Islam di Brunei bermula dengan adanya hubungan antara pedagang Islam dengan penduduk tempatan. Secara tidak langsung pengaruh Islam meresap masuk ke dalam amalan sehari-hari masyarakat setempat. Penemuan arkeologi membuktikan wujudnya pengaruh Islam daripada pedagang-pedagang dari negara China. Antara penemuan tersebut ialah wang dan tembikar yang mengandungi tulisan jawi dan ciri-ciri ukiran Cina. Selain itu, turut ditemui sebuah batu nisan bertulisan Cina. Bukti ini menunjukkan bahawa si mati adalah berketurunan Cina dan beragama Islam. Batu nisan tersebut dipercayai milik P'u Kung Chih-mu' yang meninggal dunia pada tahun 1264 Masihi.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Sweeney (1968) berdasarkan salasilah Raja-Raja Brunei, Awang Alak Betara merupakan Raja Brunei yang pertama telah memeluk Islam di Johor. Setelah menganut Islam, nama Islam beliau ialah Sultan Muhammad Dahalan. Menurut Pg. Mohammad (2001), pada pertengahan abad ke 14 Masihi dijangkakan pengislamannya telah berlaku. Penubuhan Kerajaan Islam Brunei secara rasminya berlaku dengan pengislaman Sultan Muhammad. Catatan yang dibuat oleh Antonio Pigafetta pada tahun 1521 semasa dalam rombongan pelayaran Magellan mengelilingi dunia menjelaskan bahawa pemelukan Islam Sultan Muhammad pada masa itu telah berlaku. Manakala dalam kajian yang dijalankan oleh Wan Hussein Azmi (1980), menegaskan bahawa dakwah Islam telah sampai ke Barat Laut Brunei pada sekitar tahun 1571 Masihi.

Namun begitu, kekuasaan pengaruh Islam hanya menjadi kuasa yang kuat pada abad ke 17. Semasa zaman pemerintahan Sultan Bulkiah, iaitu Raja Brunei yang ke-5, kepulauan Manila menerima kemasukan agama Islam dan ajarannya tersebar dalam kalangan masyarakat. Antara tahun 1600 hingga 1771 Masihi, telah berlaku pemelukan agama Islam oleh kerajaan-kerajaan lain di Pantai Barat Pulau Kalimantan. Antara kerajaan yang telah menerima agama Islam ialah Kutai, Sukadana, Kota Waringin, Mata, Mampwa dan Pontianak. Walau bagaimanapun, pengaruh agama Islam dari Kerajaan Islam Brunei lebih kuat menular ke Sarawak berbanding kerajaan-kerajaan berdekatan yang telah menerima ajaran Islam sebelumnya (Sanib, 1980: 182).

Kesultanan Brunei menjalankan pemerintahannya dengan meletakkan pegawai-pegawai berketurunan Arab yang bergelar Syarif sebagai anggota dalam pemerintahannya. Golongan ini dilantik oleh pentadbir Islam untuk

mentadbir wilayah-wilayah yang berada di bawah jajahannya termasuklah Sarawak. Pemilihan syarif-syarif ini adalah kerana faktor pengetahuan mereka terhadap Islam dan kemampuan mereka dalam urusan pentadbiran dan mungkin juga kerana Sultan Brunei yang ke-3 berketurunan Arab iaitu Syarif Ali Bilfalah. Menurut Sanib Said (1980), Syarif-Syarif ini telah berjaya mengislamkan hampir keseluruhan orang Melayu dan sebahagian besar puak-puak Dayak di Sarawak sebelum abad ke 19. Sejumlah hampir 75 peratus bangsa Melanau dan puak-puak kecil lain seperti Bliun, Seru dan Bukitan berjaya diislamkan oleh Kesultanan Brunei. Hasilnya, menjelang abad ke 19 Islam telah bertapak kuat di Sarawak khasnya dan di Pulau Kalimantan amnya. Namun begitu, pengaruh Islam terjejas di Sarawak akibat penjajahan kuasa Brooke. Penjajahan Brooke di Sarawak bermula pada tahun 1821 hingga 1941.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa ulama silam Sarawak sangat berperanan terhadap kemasukan dan perkembangan Islam di Sarawak. Mereka adalah antara ulama yang amat disegani oleh masyarakat Melayu Sarawak suatu ketika dahulu. Datuk Hakim Keramat atau nama penuh beliau iaitu Abang Haji Abdul Rahman bin Abang Haji Brahim merupakan ulama terkenal di Sarawak. Peranan besar yang dimainkan oleh beliau ialah mendidik para ulama lain di Sarawak menjadi ulama besar. Beliau dikenali sebagai ulama perintis yang terkenal yang telah mendidik anak-anak didiknya menjadi ulama besar (Abu Muhammad, 2006). Sekitar tahun 1840-an, beliau telah menyambung pengajian dalam bidang pengajian agama di Mekah.

Sekitar tahun 1850-an Datuk Hakim Keramat telah kembali ke tempat kelahirannya. Peranan besar yang dimainkan oleh beliau pada ketika itu di Sarawak ialah menyelamatkan akidah masyarakatnya. Perjuangan mempertahankan Islam bermula di Sarawak dengan kembalinya Datuk Hakim Keramat ke negeri kelahirannya. Perkara yang membimbangkan beliau pada masa tersebut ialah dalam mengembalikan akidah masyarakat di Sarawak daripada pemerintahan bukan Islam. Penjajahan kuasa Barat telah mula menghakis pegangan akidah umat Islam di Sarawak.

Seterusnya, penyebaran ilmu agama disebar luas setelah Datuk Hakim Keramat pulang ke Sarawak. Datuk Hakim Keramat giat berdakwah dan menyebarkan ilmu pengetahuan agama kepada rakyat Sarawak demi memberi kefahaman yang jelas tentang Islam serta mengukuhkan aqidah mereka. Demi melaksanakan niat murninya ini, beliau telah mendirikan sebuah

surau di Kampung Bandarsah untuk dijadikan pusat penyebaran dakwahnya dan menjalankan tugas-tugas kehakiman. Beliau lebih suka menggunakan cara diplomasi untuk berhadapan dengan penjajah Inggeris kerana beliau beranggapan bahawa perjuangan bersenjata tidak akan membawa apa-apa kebaikan kepada anak bangsanya terutamanya orang Melayu.

James Brooke telah melantik Datuk Hakim Keramat menyertai jentera pentadbiran kerajaan dalam mengurus berkaitan hal ehwal Islam. Jawatan beliau sebagai Pembesar Negeri merupakan suatu pengiktirafan kerana beliau merupakan ilmuwan Islam yang disegani dan berperanan besar dalam kegiatan Islam di Sarawak. Perlantikan sebagai Pembesar Negeri diterima baik oleh beliau demi kemaslahatan agama Islam dan kepentingan masyarakat Islam di Sarawak. Penjajahan British merupakan suatu ancaman besar terhadap kesucian agama Islam. Dengan perlantikan beliau sebagai Pembesar Negeri akan memudahkan beliau memanfaatkan peluang yang ada dalam mempertahankan dan menyebar luas ajaran Islam.

Dalam mengajar ilmu-ilmu agama, Datuk Hakim Keramat menjadikan pegangan Sunni Syafie sebagai panduan. Selain mengajar ilmu, anak-anak didiknya juga turut dihantar keluar negara untuk belajar agama antaranya menghantar mereka ke Mekah. Antara mereka yang dihantar ke Mekah ialah anakanda-anakandanya sendiri iaitu Datuk Hakim Haji Muhammad Azhari, Datuk Hakim Haji Muhammad Asy'ari, Datuk Imam Haji Suhaili, Syeikh Syibli, Datuk Hakim Haji Muasli dan juga anak susuannya, ulama terbilang Sarawak iaitu Syeikh Uthman Sarawak.

Menurut Johari (1979) dan Juanda (2003), Datuk Hakim Keramat mempunyai anak yang diberi gelaran Datuk Hakim Haji Muhammad Asy'ari. Ayahandanya telah menghantar beliau ke Mekah untuk mendalami ilmu agama. Beliau telah memulakan pengajian di Mekah pada tahun 1299H. Beliau kembali dari Mekah untuk meneruskan khidmat bakti setelah kematian bapanya. Pengajian beliau di Mekah tidak mengambil tempoh masa yang lama kerana khidmat beliau di Sarawak sangat diperlukan. Jawatan Datuk Hakim disandang oleh beliau selepas kematian ayahandanya Datuk Hakim Keramat.

Datuk Hakim Keramat merupakan seorang ulama terkenal. Sikap beliau amat progresif dan teliti dalam bidang agama terutamanya ilmu fiqh. Sebagai seorang ulama yang begitu komited dengan Islam, beliau sentiasa berdakwah

dan menyebarkan agama walau di mana sahaja beliau ditugaskan. Datuk Hakim Haji Muhammad Asy'ari akhirnya dilantik sebagai Datuk Hakim setelah beliau menetap di Kuching. Menurut Juanda (2003), beliau adalah orang pertama yang memecah tradisi masyarakat tempatan yang berpandangan bahawa orang biasa tidak boleh mengahwini orang yang berketurunan Syed, Syarifah atau Wan.

Selain itu, seorang ulama terkenal di Sarawak ialah Syeikh Othman bin Abdul Wahab. Ketokohan beliau dalam mendalami ilmu Islam menjadikan beliau amat disegani oleh masyarakat Islam di Sarawak. Menurut Sabri (1993), Othman Abd Wahab dilahirkan di Sarawak pada tahun 1963 di Kampung Sinjan. Ketokohan beliau dalam ilmu agama sehingga beliau berjaya menjadi ulama besar yang terkenal di Sarawak dan dunia Melayu. Sheikh Othman Sarawak merupakan anak yatim piatu sejak kecil. Bapanya Tuan Haji Abdul Wahab meninggal dunia semasa beliau masih dalam kandungan ibunya. Manakala ibunya pula meninggal dunia setelah tiga hari beliau dilahirkan (Sabri 1993).

Merujuk kepada latar belakang peribadinya, Syeikh Othman Sarawak telah menghafaz al-Quran sejak berusia 14 tahun. Datuk Hakim Haji Abdul Rahman merupakan guru dan bapa angkat kepada beliau. Kebolehan yang ada pada Syeikh Othman telah menyebabkan Datuk Hakim haji Abdul Rahman menghantar beliau belajar ke Mekah. Penguasaan yang baik terhadap al-Quran dan ilmu agama yang sangat tinggi mendorong Datuk Hakim Haji Abdul Rahman menghantar beliau untuk menyambung pengajian di Mekah. Pemergiannya ke Mekah pada tahun 1299H untuk menuntut ilmu diiringi bersama-sama Datuk Hakim Haji Asy'ari yang juga merupakan anak beliau (Sabri 1993 & Juanda 2003).

Dalam usia 18 tahun Syeikh Othman Sarawak telah mula belajar ilmu agama daripada para ulama terkenal. Peluang tersebut telah diambil oleh beliau semasa beliau menuntut ilmu agama di Mekah. Beliau berhasrat untuk mengakhiri hayatnya di Tanah Suci Mekah. Antara guru-guru beliau di Mekah ialah Tuan Syed Ahmad Zaini Dahlan yang berkhidmat sebagai Mufti Mekah ketika itu, Tuan Syed Abu Bakar Shata dan Tuan Syed Ali bin Zahir al-Witri al-Mughi. Usaha gigih beliau dalam mendalami Islam di Mekah telah mengambil masa selama 15 tahun. Beliau juga terkenal dalam ilmu bahasa Arab seperti ilmu Nahu, Saraf, ilmu Bayan dan ilmu Badie'. Syeikh Othman

juga merupakan ulama yang hebat dalam bidang kejuruteraan, falaq, faraid, fikah, hadis, tafsir dan ilmu berkaitan agama Islam (Sabri, 1993).

Syeikh Othman Sarawak sememangnya tidak banyak berbakti dalam aspek pentadbiran agama Islam di negeri Sarawak. Keadaan ini kerana banyak masa beliau dihabiskan untuk menuntut ilmu agama di Mekah iaitu selama 15 tahun. Kali pertama beliau pulang ke Sarawak iaitu pada tahun 1312H selama satu setengah tahun. Kali kedua beliau pulang ke Sarawak ialah pada tahun 1335H selama setahun. Pada tahun 1338H beliau pulang sekali lagi ke Sarawak selama empat bulan sahaja. Setiap kali beliau pulang ke negeri kelahirannya ini, Syeikh Othman Sarawak akan mengajar ilmu agama kepada masyarakat setempat di masjid dan surau berdekatan. Selepas 4 bulan kembalinya ke tanah kelahiran beliau telah meninggal dunia iaitu pada tahun 1339H. Walaupun beliau tidak sempat memberi khidmat kepada negeri Sarawak, namun anak-anak murid beliau seperti Datuk Hakim Imam Haji Mursyidi sangat banyak menyumbang khidmat bakti kepada negeri ini. Antara sumbangan besar Datuk Hakim Imam Haji Morshidi ialah beliau telah mendirikan sebuah sekolah agama atas tuntutan gurunya, Sheikh Othman Sarawak (Sabri 1993).

Datuk Hakim Imam Abang Haji Mursyidi bin Abang Haji Nuruddin bin Datuk Bandar Bolhassan merupakan ulama di Sarawak yang terkenal. Beliau dilahirkan di tengah-tengah bandar Kuching, berdekatan dengan Masjid India di Jalan Gambir, Kuching. Keperibadian dirinya terbentuk dengan persekitaran Islam kerana beliau membesar dalam suasana yang dikelilingi syiar Islam.

Pendidikan agama yang diterima di Mekah oleh Datuk Hakim Imam Haji Mursyidi telah menjadikan beliau ulama yang mempunyai nilai keilmuan yang tinggi dalam hal-hal agama. Semasa beliau menimba ilmu di Mekah beliau pernah berguru dengan Syeikh Othman Sarawak. Pada ketika itu, Syeikh Othman Sarawak mengajar ilmu agama di Mekah. Selain Syeikh Othman, guru-guru beliau yang lain ialah seperti Syeikh Ahmad al-Fathani dan Syed Bakri Shata. Pengalaman beliau dalam mendalami agama bersama guru-guru yang hebat menjadikan beliau ulama yang tersohor. Antara guru-guru beliau yang tersohor dari negeri lain antaranya ialah Syeikh Muhammad Sa'id dari Negeri Sembilan, Haji Muhammad Sa'id dari Yan, Kedah dan Haji Umar Besut dari Terengganu.

Beliau berkhidmat sebagai imam, khatib dan guru agama setelah kembalinya dari Mekah ke Kuching. Beliau bergiat aktif dalam mengajar ilmu agama di surau, masjid dan rumah. Sumbangan besar beliau terhadap masyarakat ialah beliau telah berjaya mendirikan sebuah madrasah. Madrasah ini diberi nama Madrasah Mursyidiyah diambil sempena nama beliau sendiri. Bagi memberi ruang kepada kaum wanita, beliau dan seorang sahabatnya iaitu Datuk Petinggi Abang Haji Abdullah telah mendirikan tempat pengajian khas untuk kaum wanita mendalamai ilmu agama. Pusat pengajian ini di kenali sebagai Sekolah Kajang (Wan Muhd. Saghir 2004).

Sehubungan itu, bermula pada tahun 1925, jawatan Datuk Hakim disandang oleh Imam Haji Mursyid. Beliau seterusnya turut dilantik sebagai Datuk Imam pada 1 Julai 1932. Pada 1 Ogos 1933 beliau dilantik menjadi pengadil darjah yang keempat. Seterusnya pada September 1936, beliau turut dilantik sebagai ahli jawatankuasa Lembaga Peperiksaan bagi pegawai-pegawai tinggi kerajaan. Imam Haji Mursyid telah menubuhkan Majlis Syuyukhil Islami bersama dengan beberapa orang ulama. Pada 1 Mei 1955 beliau ditukarkan ke Majlis Agama Islam Sarawak. Menurut Wan Muhd. Saghir (2004), Imam Haji Mursyid merupakan pencetus idea dan ketua dalam perkembangan Islam di Sarawak. Beliau juga telah menggerakkan usaha penubuhan Majlis Agama Islam Sarawak.

Seterusnya, beliau telah dilantik sebagai Datuk Hakim sewaktu zaman penjajahan Inggeris. Minat dan kecenderungan beliau memperjuangkan pendidikan Islam dan lain-lain kepentingan Islam disanjung dan dipandang tinggi oleh masyarakat di Sarawak ketika itu. Semangat juang nya dalam menyebarkan ajaran Islam tidak pernah luntur dan terus berkhidmat kepada masyarakat setempat dalam menyebarkan ajaran Islam dengan penuh tanggungjawab.

## **2.0      OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi masyarakat Islam di bahagian Bintulu Sarawak tentang peranan ulama silam terhadap perkembangan Islam di Sarawak. Hasil kajian ini boleh dijadikan kayu ukur kepada pihak berwajib untuk menjalankan usaha memperkenalkan ulama kepada masyarakat Islam setempat.

### **3.0 KAEADAH KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Pengkaji telah menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian. Menurut Babbie (2007), penggunaan borang soal selidik sebagai alat kajian adalah bersifat logik, saintifik dan khusus. Kaedah kuantitatif lebih mudah digunakan dalam membuat kajian tinjauan. Tinjauan dibuat bagi mendapatkan pandangan responden berkaitan pembudayaan ilmu dalam kalangan masyarakat Islam di Bahagian Bintulu. Menurut Syed Arabi (1993), soal selidik adalah alat kajian yang bersesuaian untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Selain itu, penggunaan borang soal selidik dapat membantu seseorang penyelidik menjalankan kajianya. Kualiti dan mutu soal selidik akan menentukan nilai penyelidikan yang dijalankan. Soal selidik yang jelas dan sistematik akan memperoleh maklum balas yang jelas dan nyata. Jika soalan dalam soal selidik kabur, maka jawapan yang diperoleh juga tidak dapat menggambarkan situasi yang sebenar dan nyata.

Responden dalam kajian ini terdiri daripada 468 orang dalam kalangan mereka yang beragama Islam, yang tinggal di bahagian Bintulu, Sarawak. Data yang diperoleh melalui kaedah soal selidik telah dianalisis menggunakan perisian ‘Statistical Package for Social Sciences for Windows’ (SPSS). Kaedah analisis yang digunakan dalam pembentangan data ialah statistik deskriptif dalam bentuk peratusan dan kekerapan.

### **4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1 Demografi Responden**

Hasil analisis data yang telah dijalankan mendapati bahawa daripada 468 orang responden yang menyertai kajian ini, seramai 207 orang adalah lelaki yang mewakili peratusan sebanyak 44.2%. Manakala kaum wanita pula adalah seramai 261 orang dengan peratusan sebanyak 55.8%. Walaupun kaum wanita lebih ramai memberikan maklum balas terhadap soal selidik ini, namun jurang perbezaan antara jantina dapat penulis katakan bahawa ianya tidak jauh berbeza dan agak seimbang.

Bagi item umur, penyelidik telah membahagikannya kepada 4 peringkat umur iaitu peringkat umur 21 hingga 30 tahun, peringkat umur 31 hingga 40 tahun diikuti peringkat umur 41 hingga 50 tahun dan akhirnya peringkat

umur 51 hingga 60 tahun. Seramai 153 orang responden dengan peratusan sebanyak 32.7% mewakili penduduk Bintulu yang berumur antara 21 hingga 30 tahun. Responden yang berumur antara 31 hingga 40 tahun pula berjumlah 207 orang (44.2%), iaitu kategori umur yang paling ramai menyertai siri soal selidik ini. Seterusnya seramai 78 orang responden dengan peratusan sebanyak 16.7% adalah berumur antara 41 hingga 50 tahun, manakala responden yang berumur 51 hingga 60 tahun pula berjumlah 30 orang iaitu mewakili peratusan sebanyak 6.4%. Pecahan umur responden ini dapat dilihat dengan jelas dalam jadual dan carta berikut.

**Jadual 1:** Umur responden

Peringkat Umur	Kekerapan	Peratus (%)
21 hingga 30 tahun	153	32.7
31 hingga 40 tahun	207	44.2
41 hingga 50 tahun	78	16.7
51 hingga 60 tahun	30	6.4
Jumlah	468	100

Bagi item kaum, hasil kajian mendapati bahawa responden daripada kaum Melanau adalah paling ramai iaitu berjumlah 291 orang dengan peratusan sebanyak 62.2%. Situasi ini berlaku kerana kaum Melanau memiliki komposisi yang lebih banyak mendiami bahagian Bintulu ini berbanding kaum Melayu dan bumiputera lain, tidak termasuk Cina dan Iban (Perangkaan Sarawak 2010). Sementara kaum Melayu pula adalah seramai 144 orang dengan jumlah peratusannya sebanyak 30.8%. Baki responden seramai 33 orang adalah kaum-kaum lain yang mewakili peratusan sebanyak 7.1%. Kesemua responden yang dipilih dalam kajian ini adalah beragama Islam walaupun berlainan kaum memandangkan skop kajian penyelidik adalah merangkumi penduduk di Bahagian Bintulu yang beragama Islam.


**Jadual 2:** Pecahan kaum

Kaum	Kekerapan	Peratusan (%)
Melanau	291	62.1
Melayu	144	30.8
Lain-lain	33	7.1
Jumlah	468	100

Bagi item tahap Pendidikan responden, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden yang menjalani soal selidik ini adalah terdiri daripada lulusan Sekolah Menengah dengan bilangan mereka berjumlah 309 orang


(66%). Seramai 54 orang responden dengan peratusan sebanyak 11.5% adalah daripada kalangan responden yang berpendidikan Diploma, diikuti oleh responden yang berpendidikan peringkat Sijil seramai 42 orang (9%).

Seterusnya, seramai 39 orang (8.3%) responden yang hanya berpendidikan Sekolah Rendah, 21 orang responden dengan peratusan sebanyak 4.5% mewakili responden yang mempunyai Ijazah Pertama dan akhirnya terdapat 3 orang responden dengan peratusan 0.6% memilih peringkat pengajian ‘lain-lain’.



Rajah 1: Tahap pendidikan responden

Penyelidik turut bertanyakan soalan mengenai status keislaman responden sama ada mereka adalah berstatus Islam sejak lahir, sudah lama memeluk Islam atau baru memeluk Islam. Penyelidik merasakan ia adalah soalan yang agak penting memandangkan status keislaman responden akan mempengaruhi jawapan responden pada bahagian-bahagian seterusnya. Daripada data yang diperoleh, majoriti responden mengakui bahawa mereka berstatus Islam sejak lahir iaitu seramai 456 orang dengan peratusannya sebanyak 97.4%. Selebihnya iaitu seramai 12 orang responden dengan peratusan sebanyak 2.6% mengakui bahawa mereka telah lama memeluk Islam. Tiada seorang pun dari kalangan responden yang berstatus baru memeluk Islam.



Rajah 2: Status keislaman responden

#### **4.2 Persepsi Responden Tentang Ulama Silam Sarawak**

Soalan-soalan pada bahagian ini dikemukakan untuk mengetahui pandangan responden tentang ulama' Sarawak dan jasa golongan ulama' terhadap perkembangan Islam di negeri Sarawak. Sebanyak enam item soalan telah direka oleh penyelidik bagi mendapatkan maklum balas responden mengenainya. Kesemua soalan pada bahagian ini turut menggunakan jawapan dalam bentuk skala likert 5 poin bagi memudahkan penyelidik menganalisis data yang telah diberikan oleh para responden.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa hampir separuh daripada responden yang terlibat dengan soal selidik ini mengakui tidak mengenali langsung ulama'-ulama' silam Sarawak. Seramai 84 orang responden dengan peratusan sebanyak 17.9% memilih skala 'sangat setuju' dan 150 orang lagi dengan peratusan 32.1% memilih skala 'setuju' dengan pernyataan di atas. Seramai 162 orang responden (34.6%) lebih selesa memilih skala 'kurang setuju', 45 orang dengan peratusan sebanyak 9.6% memilih skala 'tidak setuju' dan bakinya seramai 27 orang responden memilih skala 'sangat tidak setuju'. Data ini menunjukkan bahawa sejumlah 5.8% responden sahaja yang betul-betul mengenali ulama' silam Sarawak.

Seterusnya, seramai 81 orang responden dengan peratusan sebanyak 17.3% mengakui sangat setuju bahawa mereka pernah mendengar nama-nama ulama' Sarawak seperti Sheikh Othman Sarawak, Datuk Hakim Imam Haji Morshidi dan Datuk Hakim Keramat. Seramai 162 orang responden dengan peratusan sebanyak 34.6% memilih skala 'setuju' dan sejumlah 32.1% responden iaitu seramai 150 orang telah memilih skala 'kurang setuju'. Jumlah responden yang mengakui tidak pernah mendengar nama-nama ulama' Sarawak tersebut berjumlah 75 orang iaitu seramai 54 orang (11.5%) memilih skala 'tidak setuju' dan 21 orang yang lain dengan peratusan sebanyak 4.5% memilih skala 'sangat tidak setuju'.

Hasil analisa data juga menunjukkan bahawa sebahagian besar responden mengakui bahawa perkembangan Islam di Sarawak adalah atas hasil usaha ulama' terdahulu. Sejumlah 71.8% responden bersetuju dengannya iaitu masing-masing seramai 168 orang responden yang mewakili peratusan sebanyak 35.9% telah memilih skala 'sangat setuju' dan 'setuju'. Manakala responden yang memilih skala 'kurang setuju' pula berjumlah 99 orang dengan peratusan sebanyak 21.2%, seramai 24 orang yang lain memilih skala

‘tidak setuju’, yang mewakili peratusan sebanyak 5.1%. Bakinya iaitu seramai 9 orang responden dengan peratusan sebanyak 1.9% mengakui sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Majoriti responden turut mengakui akan kepentingan golongan ulama’ untuk mendidik masyarakat ke arah kebaikan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa sejumlah 80.2% responden dengan bilangan sebanyak 375 orang bersetuju dengan pernyataan yang diutarakan. Daripada jumlah tersebut, seramai 195 orang responden yang mewakili peratusan sebanyak 41.7% memilih skala ‘sangat setuju’, manakala 180 orang responden lagi dengan peratusan sebanyak 38.5% memilih skala ‘setuju’. Jumlah responden yang memilih skala ‘tidak setuju’ ialah 72 orang dan responden yang memilih skala ‘sangat tidak setuju’ ialah 21 orang, dengan peratus masing-masing berjumlah 15.4% dan 4.5%.

Seterusnya, responden yang terlibat dalam kajian ini turut mengakui bahawa masyarakat kini perlu mendekatkan diri dengan golongan ulama’ dan ilmuan untuk mendapatkan ilmu yang bermanfaat daripada mereka. Seramai 180 orang responden (38.5%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini, diikuti responden yang memilih skala ‘setuju’ seramai 150 orang (32.1%). Sejumlah 19.2% responden dengan bilangannya seramai 90 orang lebih selesa memilih skala ‘kurang setuju’, manakala seramai 15 orang yang lain dengan peratusan sebanyak 3.2% telah memilih skala ‘tidak setuju’. Bilangan responden yang memilih skala ‘sangat tidak setuju’ pula berjumlah 33 orang, yang mewakili peratusan terkecil iaitu 7.1%.

Soalan terakhir untuk bahagian ini ialah berkenaan kurangnya ulama’ di negeri Sarawak untuk dijadikan rujukan dalam permasalahan agama. Bagi soalan ini, sejumlah 66.6% responden bersetuju dengannya iaitu masing-masing seramai 120 orang (25.6%) telah memilih skala ‘sangat setuju’ dan seramai 192 orang lagi memilih skala ‘setuju’ iaitu peratusannya sebanyak 41%. Responden yang memilih skala ‘kurang setuju’ pula berjumlah 123 orang yang mewakili peratusan sebanyak 26.3% dan seramai 30 orang responden yang lain telah memilih skala ‘tidak setuju’ dengan peratusannya berjumlah 6.4%. Hanya sebilangan kecil responden yang mengakui sangat tidak bersetuju dengan pernyataan yang diutarakan iaitu seramai 3 orang yang mewakili peratusan sebanyak 0.6%. Data terperinci untuk bahagian ini dapat dilihat dalam jadual 6.3 di bawah.

**Jadual 3:** Persepsi responden tentang ulama' Sarawak

PERNYATAAN	SS K	%	S K	%	KS K	%	TS K	%	STS K	%
Saya tidak mengenali langsung ulama' silam Sarawak.	84	17.9	150	32.1	162	34.6	45	9.6	27	5.8
Saya pernah mendengar nama-nama seperti Sheikh Othman Sarawak, Datuk Hakim Imam Haji Morshidi dan Datuk Hakim Keramat.	81	17.3	162	34.6	150	32.1	54	11.5	21	4.5
Saya mengakui bahawa perkembangan Islam di Sarawak adalah atas usaha ulama' terdahulu.	168	35.9	168	35.9	99	21.2	24	5.1	9	1.9
Saya mengakui akan kepentingan golongan ulama' untuk mendidik masyarakat ke arah kebaikan.	195	41.7	180	38.5	72	15.4	24	5.1	9	1.9
Saya mengakui bahawa masyarakat kini perlu mendekati golongan ulama' dan ilmuwan untuk mendapatkan ilmu yang bermanfaat daripada mereka.	180	38.5	150	32.1	90	19.2	15	3.2	33	7.1
Saya mengakui bahawa negeri Sarawak kini kekurangan golongan ulama' untuk dijadikan rujukan dalam permasalahan agama.	120	25.6	192	41.0	123	26.3	30	6.4	3	0.6

\* SS – sangat setuju, S – setuju, KS – kurang setuju, TS – tidak setuju, STS – sangat tidak setuju

## 5.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, soal selidik ini telah melibatkan responden seramai 468 orang serta merangkumi pelbagai peringkat umur bermula dari umur 21 tahun hingga mereka yang berumur 60 tahun. Soal selidik ini juga meliputi responden dengan pelbagai taraf Pendidikan dari peringkat terendah hingga peringkat tertinggi.

Tujuan penulis melibatkan responden dengan latar belakang yang berbeza ini adalah untuk mengetahui pandangan dan persepsi mereka tentang persoalan yang dikaji dari sudut pandangan masing-masing, yang sudah semestinya wujud perbezaan dalam pandangan mereka. Namun begitu, secara keseluruhannya dapat penulis simpulkan di sini bahawa persepsi masyarakat Islam di bahagian Bintulu terhadap peranan ulama silam masih di tahap sederhana. Program kesedaran tentang peranan Ulama Silam perlu dipergiatkan supaya dapat meningkatkan pengetahuan masyarakat berkenaan Islam dan Ulama Silam.

## **RUJUKAN**

- Abdul Ghani Ismail. (1972). *Changing landscapes-the history of Islam in Malaysia*. Journal of the Southeast Asian Regional Branch International Council on Archives 5(1): 45-65.
- Babbie, E. (2007). *The Practice of Social Research*. Belmont: Wadsworth.
- Ismawi Ishak. (2010). Peranan HIKMAH, Bintulu. Temu bual, 6 November.
- Johari Bojeng. (1979). Memperingati Ulama' Sarawak. Kuching: Terbitan BINA.
- Juanda Jaya. (2003). Dakwah Islamiah di Sarawak: kajian terhadap pengurusan dakwah secara berorganisasi. Tesis Dr. Falsafah, Jabatan Dakwah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Low H. (1988). Sarawak: Notes During A Residence In That Country With H.H. The Rajah Brooke. Singapore: Oxford University Press.
- Mahdi Lamit. (2008). Peranan Masjid Assyakirin Bintulu, Bintulu. Temu bual, 25 Jun.
- Margaret Brooke. (1913). *The Ranee of Sarawak, My Life In Sarawak*. Selangor: Oxford University Press.
- Ooi Keat Gin. (2001). *Dunia di Seberang Sungai: Pendidikan di Sarawak dari Zaman Pemerintahan Brooke hingga ke Pentadbiran Pejabat Penjajah 1841-1963*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Pg. Mohammad Abd. Rahman. (2001). *Islam di Brunei Darussalam*. Brunei: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Rogayah Chek. 2009. Peranan JAIS Bahagian Bintulu, Bintulu. Temu bual, 20 Disember.

- Sabihah Osman. (1990). Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Sabri Abdul Rahman. (1993). Syeikh Othman Sarawak. Dlm. Ismail Mat (pnyt.). Ulama' Silam dalam Kenangan,. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sanib Said. (1980). Islam di Sarawak: Sejarah Ringkas 1476-1941. Dlm. Khoo Kay Kim (pnyt.). Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Sanib Said. (1990). The History Of Sarawak: Where Do We Begin?. The Sarawak Museum Journal 17(75): 212-223.
- Sweeney, P.L. Amin. (1968). Silsilah Raja-Raja Brunei. The Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society 41(2): 56-66.
- Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram. (1990). Perkembangan Pendidikan di Sarawak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Wan Mohd. Saghir Abdullah. (2004). Imam Haji Mursyidi Tokoh Pentadbir Sarawak. Utusan Malaysia, 29 Mac